



LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA) KENYATAAN TAWARAN (SEBUT HARGA)

(<http://www.lada.gov.my>)

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai sebut harga berikut:-

NO SEBUT HARGA	JENIS KERJA	TARIKH PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUT HARGA	PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
LPL(SA) 10/2019	Cadangan Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Bangunan Di Premis Perniagaan Jeti Kilim, Langkawi, Kedah Darul Aman.	ISNIN, 11 Februari 2019 Hingga AHAD, 17 Februari 2019	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang : 221001 & 221002	ISNIN, 11 Februari 2019 Jam 9.30 Pagi Berkumpul di Tapak Parking Kereta Hadapan Premis Perniagaan Jeti Kilim, Kg. Kilim, Langkawi, Kedah. Lawatan Tapak Adalah Wajib	18 Februari 2019 (ISNIN) Sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari mengikut jam di Aras CF, Kompleks LADA
LPL(SA) 11/2019	Cadangan Melaksanakan Penyelenggaraan Senitaman Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Air Terjun Telaga Tujuh, Mukim Padang Matsirat, Langkawi, Kedah Darul Aman.	ISNIN, 11 Februari 2019 Hingga AHAD, 17 Februari 2019	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang : 221001 & 221002	ISNIN, 11 Februari 2019 Jam 3.00 Petang Berkumpul di Tapak Parking Kereta Air Terjun Telaga Tujuh, Padang Matsirat, Langkawi, Kedah. Lawatan Tapak Adalah Wajib	18 Februari 2019 (ISNIN) Sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari mengikut jam di Aras CF, Kompleks LADA

1. Dokumen tawaran Sebut Harga ini boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **11 Februari 2019** hingga **17 Februari 2019** di Lembaga Pembangunan Langkawi, Aras CF, Kaunter Perolehan, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman dengan menunjukkan **SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTRA** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga.
2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah di mana hanya penama di dalam **SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTRA** sahaja layak menyertai sesi lawatan tapak / sesi taklimat (jika berkenaan).

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di Lembaga Pembangunan Langkawi, Aras CF, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari, 18 Februari 2019 (ISNIN). Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
4. Lembaga ini **tidak terikat** menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sebaliknya.